

# Buletin



e-ISSN: 2600-8289

Safar 1446H/ Ogos 2024

# ACIS



# MALAYSIA MADANI

*Jiwa Merdeka*

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Menelusuri Transformasi Dasar Pendidikan Negara dari Barnes ke Revolusi 4.0



Oleh:  
**Muhammad Azrae Mokhtar**  
Pelajar Pascasiswazah, Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia



**Nuruul Hidayah Mansor**  
Pensyarah Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

## Selamat Hari Kemerdekaan Malaysia!

Sistem pendidikan Malaysia telah melalui evolusi yang menarik sejak zaman pra-kemerdekaan hingga ke era moden ini. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara mencerminkan kemajuan yang pesat dalam aspek sosial, ekonomi dan politik Malaysia. Penelusuran sejarah perkembangan sistem pendidikan Malaysia ini tidak hanya memaparkan transformasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga menggambarkan usaha negara dalam membentuk identiti nasional dan mempersiapkan generasi masa depan untuk menghadapi cabaran global.

Makalah ini membawa kita menelusuri evolusi dasar-dasar pendidikan yang telah membentuk landskap pembelajaran di Malaysia dan sangat signifikan dalam membentuk generasi anak Malaysia hari ini. Sorotan sejarah ini bukan sahaja mencerminkan perkembangan sistem pendidikan, tetapi juga memaparkan aspirasi negara dalam membina masyarakat berilmu, berkemahiran dan berdaya saing sehingga ke peringkat global. Melalui tinjauan ini, kita

dapat menghargai usaha gigih para pendidik, pembuat dasar dan seluruh warga Malaysia dalam memartabatkan pendidikan negara.

Pada zaman penjajahan, pendidikan tradisional berpusat di institusi pondok dan madrasah untuk pengajian Islam serta di rumah-rumah tok guru untuk pendidikan tidak formal. Semasa era penjajahan British, sistem pendidikan menjadi lebih teratur tetapi bersifat segregasi.


Sekolah-sekolah vernakular dalam bahasa Melayu, Cina dan Tamil wujud berdampingan dengan sekolah Inggeris yang lebih elit dan mencerminkan dasar 'pecah dan perintah' yang dibentuk oleh penjajah.

Sebelum merdeka, asas pendidikan negara kita telah dibentuk menerusi pengenalan Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu pada tahun 1951. Laporan Barnes mencadangkan penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan Tanah Melayu.

Manakala menerusi Laporan Fenn-Wu pula penekanan diberikan kepada kepentingan pendidikan pelbagai bahasa. Kedua-dua laporan ini telah membawa kepada pengenalan Ordinan Pelajaran 1952 yang meletakkan penyatuan kaum sebagai asas melalui sistem pendidikan. Laporan Razak (1956) kemudiannya diperkenalkan menjadi titik tolak dalam pembentukan dasar pendidikan kebangsaan yang bersepadu.

Selepas kemerdekaan kerajaan Malaysia mula berusaha untuk menyatupadukan sistem pendidikan. Ordinan Pelajaran 1957 dilaksanakan dan diikuti oleh Laporan Rahman Talib (1960) sebagai usaha memperkukuhkan lagi sistem pendidikan kebangsaan. Pada tahun berikutnya, Akta Pelajaran 1961 pula menggariskan dasar-dasar pendidikan yang lebih komprehensif, termasuk penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama.

Pada Era 1970-an hingga 1990-an menyaksikan beberapa perubahan penting yang dilaksanakan oleh



negara dalam memperkasa dasar pendidikan negara. Dasar Bahasa Kebangsaan (1970) dibangunkan untuk tujuan memperkukuhkan kedudukan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan. Menerusi pembentukan Dasar Ekonomi Baru (1971) penekanan kepada pendidikan turut menjadi asas strategi negara dalam menyelesaikan isu jurang ekonomi antara kaum. Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan pada tahun 1983, diikuti oleh Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989, kedua-duanya bertujuan untuk menyediakan pendidikan yang lebih holistik dan relevan kepada rakyat dalam negara. Pada tempoh ini juga negara memperlihatkan perkembangan pesat sektor pendidikan tinggi dengan penubuhan lebih banyak universiti awam.

Memasuki abad ke-21, Malaysia terus menambah baik sistem pendidikannya. . Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dilaksanakan dari 2003 hingga 2012, bertujuan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam bidang Sains dan Teknologi. Walaupun dasar ini kemudiannya dimansuhkan, ia membuka perbincangan penting tentang kepentingan dwibahasa dalam pendidikan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 merupakan pelan transformasi pendidikan yang komprehensif, bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara ke tahap antarabangsa. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) diperkenalkan untuk menyelaraskan kurikulum dengan keperluan abad ke-21. Penekanan terhadap TVET telah menjadi fokus utama bagi kerajaan dalam memastikan kemahiran yang diajar di institusi pendidikan vokasional dan teknikal relevan dengan keperluan industri. Ini termasuk usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan TVET, memperluas akses kepada pendidikan vokasional, dan memperkenalkan pengiktirafan kelayakan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Perkembangan sistem pendidikan Malaysia kini semakin selaras dengan tuntutan Education 5.0 dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0), melalui penekanan yang lebih besar terhadap bidang STEM, pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, pembangunan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis dan kreativiti, penggalakan pembelajaran sepanjang hayat, penyesuaian kurikulum yang lebih fleksibel, pengukuhan kerjasama antara industri dan akademia, serta pendigitalan pendidikan yang dipercepatkan kesan berlakunya krisis pandemik COVID-19. Usaha-usaha ini bertujuan untuk mempersiapkan pelajar dan graduan Malaysia menghadapi cabaran era digital, di mana kecerdasan buatan, Internet of Things, dan automasi menjadi semakin dominan tanpa meninggalkan pembinaan jatidiri dan modal insan yang boleh menjadikan mereka berdaya saing di peringkat global dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi yang pesat.

Kesimpulannya, perjalanan dasar pendidikan Malaysia mencerminkan komitmen berterusan negara dalam membentuk generasi yang berilmu, berkemahiran dan berdaya saing seiring dengan keperluan semasa. Setiap dasar yang diperkenalkan membawa kita selangkah lebih dekat kepada visi pendidikan bertaraf dunia namun masih mampu mengekalkan jati diri dan nilai-nilai kebangsaan. Ketika kita meraikan kemerdekaan tahun ini, marilah kita bersama-sama menghargai segala usaha semua pihak yang terlibat yang telah membangunkan dan memperkasa sistem pendidikan negara sehingga ke hari ini.